

Proceeding of ICECRS, 1 (2016) 831-840

ISSN. 2548-6160

International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA, 25-27 October 2016, Universiti Utara Malaysia, Malaysia.

Available online: <http://ojs.umsida.ac.id/index.php/icecrs>

Article DOI: <http://dx.doi.org/10.21070/picecrs.v1i1.561>

PENGGUNAAN *FLASHMAGNETIC BOARD* DALAM MEMBANTU MURID TAHUN 4 MENGINGAT FAKTA SEJARAH MENGGUNAKAN KAEDAH MENKATEGORI FAKTA BAGI TAJUK KERAJAAN MELAYU AWAL

Rachel Lyne G. Pius

rachellyne93@gmail.com

Azhari Bin Hj Mat Salleh

Jabatan Kajian Sosial, Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman

ABSTRAK: Kajian ini bertujuan untuk membantu murid Tahun 4 mengingat fakta sejarah melalui kaedah mengkategorikan fakta menggunakan *Flash Magnetic Board* bagi tajuk Kerajaan Melayu Awal. Fokus kajian ini adalah untuk membantu murid Tahun 4 yang lemah dalam mengingat fakta sejarah khususnya dalam tajuk Kerajaan Melayu Awal Sejarah Tahun 4. Peserta kajian dalam kajian ini terdiri daripada 7 orang murid tahun 4 dari sebuah sekolah rendah di sekitar bandar Alor Setar yang masih lemah dalam mengingat fakta sejarah bagi tajuk Kerajaan Melayu Awal. Kaedah pemerhatian, analisis dokumen dan temubual digunakan untuk mengumpul data. Kaedah diskripsi data digunakan untuk menganalisis data dalam kajian kualitatif ini. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan *Flash Magnetic Board* dapat membantu murid tahun 4 mengkategorikan fakta sejarah dalam tajuk Kerajaan Melayu Awal. Cadangan tindakan susulan adalah menambahbaik *Magnetic Flash Card* dan *Magnetic Board* ke bentuk yang lebih menarik, mengubah label *Magnetic Board* untuk meningkatkan tahap kesusahan aktiviti intervensi Fasa 2, dan yang terakhir adalah menggunakan *Flash Magnetic Board* ini dalam tajuk-tajuk Sejarah yang lain atau matapelajaran yang lain.

KATA KUNCI: Fakta sejarah, Kaedah mengkategorikan Fakta, Kerajaan Melayu Awal

1.0 PENGENALAN

Menurut Kementerian Pelajaran Malaysia (2011), mata pelajaran Sejarah telah diperakukan sebagai mata pelajaran yang amat penting dalam memupuk semangat kewarganegaraan, melahirkan perasaan cinta kepada tanah air, memahami tamadun bangsa, mengukuhkan perasaan jati diri serta berupaya memainkan peranan merangka wawasan masa depan negara. Bagi memperkenalkan dan memperkukuhkan lagi pengetahuan mengenai sejarah negara, matapelajaran Sejarah telah diperkenalkan seawal di sekolah rendah untuk mendedahkan kepada para generasi bahawa pentingnya mempelajari sejarah.

Namun demikian, walaupun mata pelajaran ini telah lama diperkenalkan di sekolah menengah, mata pelajaran sejarah ini merupakan satu bidang yang baru bagi murid-murid sekolah rendah. Khususnya para murid yang terlibat dengan Kurikulum Standard Sekolah Rendah bermula pada tahun 2011. Perkara ini menjadi satu cabaran bagi seorang guru Sejarah sekolah rendah yang perlu menggunakan pelbagai kaedah pengajaran yang lebih menarik untuk membantu murid menguasai fakta sejarah.

Sepanjang pengajaran dan pembelajaran yang lepas, saya telah mengenalpasti satu masalah yang timbul dalam kalangan murid. Masalah ini berkaitan dengan kelemahan murid dalam menguasai fakta-fakta sejarah khususnya bagi tajuk-tajuk yang mempunyai banyak fakta yang perlu dipelajari. Andaian dan nilai kepercayaan saya terhadap penggunaan perisian *powerpoint* dan permainan *Action Game* menampakkan satu jurang yang besar apabila terdapat beberapa murid yang gagal untuk mengingat fakta berkaitan dengan

tajuk aktiviti-aktiviti berasaskan laut dalam Kerajaan Melayu Awal semasa mereka menjawab lembaran kerja. Sebagai kesimpulan, masalah ini tidak boleh dibiarkan begitu sahaja tanpa mengambil sebarang tindakan yang berkesan dan efektif. Justeru itu, saya menggunakan intervensi *Flash Magnetic Board* untuk membantu menyelesaikan masalah murid yang masih tidak dapat mengingat fakta-fakta sejarah dalam tajuk Kerajaan Melayu Awal. Berdasarkan pengumpulan data awal, saya telah mendapat seramai 7 orang peserta kajian yang lemah dalam mengingat fakta khususnya dalam tajuk aktiviti-aktiviti berasaskan laut dalam Kerajaan Melayu Awal.

2.0 FOKUS KAJIAN

Fokus kajian ini hanya tertumpu kepada kelemahan murid mengingat fakta sejarah dalam tajuk Kerajaan Melayu Awal Sejarah Tahun 4. Khususnya dalam topik aktiviti-aktiviti berasaskan laut dalam Kerajaan Melayu Awal. Tujuan saya memberi perhatian kepada kelemahan ini adalah untuk membantu murid mengingat fakta sejarah melalui kaedah mengkategorikan aktiviti-aktiviti berasaskan laut agar murid mudah untuk mengingatinya. Merujuk kepada Hierarki Pembelajaran Gagne dalam Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying & Sharifah Fakhirah Syed Ahmad (2009:77:78:79), terdapat lapan Hierarki Pembelajaran Gagne dan hierarki yang keenam menerangkan mengenai Pembelajaran Konsep. Pembelajaran konsep ini memerlukan individu membuat diskriminasi dan melihat ciri-ciri persamaan dan perbezaan untuk membuat kategori maklumat yang diperhatikan. Secara tidak langsung, apabila pembelajaran ini dapat dikuasai, murid dapat mengingat sesuatu fakta dengan lebih mudah kerana terdapatnya beberapa fakta yang telah dipisahkan dalam bentuk beberapa kategori.

3.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

3.1 OBJEKTIF KAJIAN

Membantu murid mengingat fakta melalui kaedah mengkategorikan fakta sejarah dalam Tajuk Kerajaan Melayu Awal menggunakan *Flash Magnetic Board* bagi Murid Tahun 4.

3.2 SOALAN KAJIAN

Sejauhmanakah murid dapat mengingat fakta sejarah melalui kaedah mengkategorikan fakta dengan menggunakan *Flash Magnetic Board* bagi Tajuk Kerajaan Melayu Awal ?

4.0 PESERTA KAJIAN

Peserta kajian terdiri daripada 7 orang murid iaitu seorang murid lelaki dan 6 orang murid perempuan yang berada di Tahun 4. Semua murid berbangsa Melayu dan mempunyai tahap pencapaian yang sederhana dan lemah dalam mengingat fakta bagi tajuk aktiviti-aktiviti berasaskan laut dalam Kerajaan Melayu Awal.

5.0 TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Saya telah merancang intervensi dengan penggunaan *Flash Magnetic Board*. Saya telah merancang 2 fasa aktiviti intervensi yang mengambil masa selama setengah jam. Aktiviti intervensi yang disediakan selaras dengan objektif kajian ini. Aktiviti intervensi ini dijalankan secara berperingkat dari mudah ke susah iaitu berkonsep ansur maju berdasarkan penggunaan *Flash Magnetic Board*.

Saya menggunakan *Flash Magnetic Card* sebagai aktiviti intervensi pertama untuk membantu murid-murid mengingat dan memahami fakta-fakta terlebih dahulu. *Flash Magnetic Card* tersebut mempunyai tiga gambar yang mempunyai bentuk dan warna yang berbeza iaitu bentuk ikan berwarna biru, bentuk jeti berwarna

jingga dan bentuk kapal laut berwarna kuning yang melambangkan tiga kategori yang berbeza dalam tajuk “Aktiviti-aktiviti Berasaskan Laut”. Penggunaan *Flash Magnetic Card* ini memudahkan murid untuk memahami fakta-fakta tersebut melalui pembacaan yang ringkas dan mudah untuk diingati.

Magnetic Board yang saya gunakan pada aktiviti intervensi kedua adalah melibatkan murid mengkategorikan fakta berdasarkan tiga kategori yang telah dibaca, diingati dan difahami melalui *Flash Magnetic Card*. *Magnetic Board* ini juga mempunyai tiga gambar yang mempunyai bentuk yang berbeza seperti yang ada pada *Flash Magnetic Card*. Berikut adalah prosedur pelaksanaan intervensi *Flash Magnetic Board*:-

Fasa 1 :What is my Shape?

Guru menunjukkan dan menerangkan kepada murid-murid mengenai *Flash Magnetic Card*. Murid membaca dan memahami fakta, mengenalpasti bentuk dan warna *Flash Magnetic Card* tersebut agar dapat membezakan 3 kategori aktiviti-aktiviti berasaskan laut pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Fasa 2 :Where I belong?

1. Guru meminta murid menanggalkan bentuk-bentuk gambar yang ada pada *Flash Magnetic Card* dan membiarkan kertas fakta sahaja ada pada *Flash Magnetic Card* tersebut.
2. Guru menunjukkan *Magnetic Board* yang mempunyai 3 kategori iaitu Perkapalan, Perikanan dan Pelabuhan kepada murid.
3. Murid diminta untuk mengategorikan fakta menggunakan *Flash Magnetic Card* pada *Magnetic Board* berdasarkan 3 kategori yang telah dipelajari.
4. Guru menilai murid berdasarkan berapa fakta yang boleh dikategorikan mengikut kategori yang betul.

6.0 DAPATAN KAJIAN

6.1 Analisis Pemerhatian

Saya telah melaksanakan dua fasa aktiviti intervensi *Flash Magnetic Board* sebanyak 2 sesi dalam masa 2 hari yang berbeza. Saya telah merekodkan tahap pencapaian dan tahap penguasaan murid dalam senarai semak pemerhatian berdasarkan aktiviti intervensi Fasa 2 iaitu berapa banyak murid-murid dapat mengkategorikan fakta dengan betul berdasarkan 3 kategori yang diberikan.

Jadual 1.0. Bilangan fakta yang dapat dikategorikan dengan betul pada latihan intervensi fasa 2 dan tahap penguasaan peserta kajian

Bil.	Peserta Kajian	Sesi 1		Sesi 2	
		Bilangan Fakta	Tahap Penguasaan	Bilangan Fakta	Tahap Penguasaan
1	A	7	4	7	4
2	B	6	4	7	4
3	C	6	4	7	4
4	D	7	4	7	4
5	E	7	4	7	4
6	F	7	4	7	4
7	G	6	4	7	4

Berdasarkan pemerhatian, dapatan kajian yang dijalankan dalam aktiviti intervensi Fasa 1 bagi sesi pertama, semua peserta kajian dapat menggunakan *Magnetic Flash Card* dengan mudah dan apabila sesi soal jawab dijalankan mengenai fakta, gambar dan kategori berdasarkan *Magnetic Flash Card* tersebut, semua peserta kajian dapat menjawab dengan betul (NL(P1)-250716:29-46).

Bagi sesi kedua, sebelum memberikan *Magnetic Flash Card* kepada semua peserta kajian, sesi soal jawab secara umum dijalankan lagi untuk mengetahui sama ada semua peserta kajian masih mengingat atau tidak apa yang telah dipelajari semasa melaksanakan aktiviti intervensi 1 dan 2 pada sesi pertama. Berdasarkan pemerhatian, semua peserta kajian masih mengingat apa yang mereka telah pelajari dengan menjawab soalan dengan jawapan yang betul (NL(P1)-280716:5-14).

Penggunaan *Magnetic Flash Card* ini juga membantu semua peserta kajian untuk mengenalpasti, memahami dan mengkategorikan fakta dengan lebih mudah apabila mereka menyusun *Magnetic Flash Card* tersebut diatas lantai mengikut warna dan gambar yang sama untuk memudahkan mereka memahami dan mengingat fakta berdasarkan 3 kategori yang diberikan (NL(P1)-250716:25-27).

Berdasarkan senarai semak pemerhatian bagi aktiviti intervensi 2 bagi kedua-dua sesi, semua peserta kajian mendapat tahap pencapaian yang cemerlang semasa mengkategorikan fakta. Di samping itu, tahap penguasaan semua peserta kajian juga meningkat daripada Tahap 1 ke Tahap 4 iaitu telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Situasi ini jelas menunjukkan bahawa semua peserta kajian berjaya mengkategorikan fakta melalui penggunaan Flash Magnetic Board. Semua peserta kajian telah menunjukkan perkembangan yang amat baik sepanjang sesi intervensi dijalankan.

6.2 Analisis Dokumen

Saya telah menyediakan dua set lembaran kerja untuk mengenalpasti sama ada aktiviti intervensi yang saya laksanakan terhadap peserta kajian berjaya atau tidak.

Jadual 1.2. Jadual Tahap Pencapaian dan Tahap Penguasaan peserta kajian.

Sesi/Peserta kajian/Set	Tahap Pencapaian/Tahap Penguasaan					
	Sesi 1		Sesi 2			
	Set A		Set A		Set B	
A	Sederhana	3	Cemerlang	4	Cemerlang	4
B	Cemerlang	4	Cemerlang	4	Cemerlang	4
C	Cemerlang	4	Cemerlang	4	Cemerlang	4
D	Cemerlang	4	Cemerlang	4	Cemerlang	4
E	Cemerlang	4	Cemerlang	4	Cemerlang	4
F	Cemerlang	4	Cemerlang	4	Cemerlang	4
G	Cemerlang	4	Cemerlang	4	Cemerlang	4

Dapatan kajian bagi analisis dokumen turut mendapati semua peserta kajian mendapat tahap pencapaian yang cemerlang bagi kedua-dua sesi, walaupun pada sesi pertama, terdapat seorang peserta kajian yang mendapat tahap pencapaian yang sederhana semasa menjawab lembaran kerja Set A, namun semasa sesi kedua, peserta kajian tersebut menunjukkan peningkatan yang sangat baik sehingga mendapat tahap pencapaian cemerlang semasa menjawab lembaran kerja Set A dan Set B.

Dari aspek tahap penguasaan pula, semasa pengumpulan data awal dijalankan, semua peserta kajian hanya mendapat Tahap Penguasaan 1 sahaja iaitu murid hanya tahu tentang aktiviti-aktiviti berasaskan laut dalam Kerajaan Melayu Awal, namun, selepas sahaja intervensi ini dilaksanakan, semua peserta kajian telah

mencapai Tahap Penguasaan 4 iaitu murid boleh menguasai maklumat tentang aktiviti-aktiviti berasaskan laut dalam Kerajaan Melayu Awal.

6.3 Analisis Temubual

Saya juga telah menggunakan kaedah temu bual untuk mengutip data. Borang temubual diberikan kepada setiap peserta kajian sebaik sahaja mereka melaksanakan aktiviti intervensi untuk mengetahui pendapat dan perasaan peserta kajian terhadap aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan. Borang temubual yang sama diberikan pada kedua-dua sesi. Soalan yang diberikan adalah bersifat separa berstruktur.

Sebanyak 6 soalan yang telah dibina dan perlu dijawab oleh semua peserta kajian berdasarkan aktiviti intervensi 1 dan aktiviti intervensi 2. Berikut adalah analisis temubual berstruktur terhadap aktiviti intervensi 1 iaitu "What is my Shape?" bagi kedua-dua sesi.

Jadual 1.3. Analisis temubual terhadap aktiviti intervensi 1 iaitu What is my Shape?

Bil.	Peserta Kajian	Soalan					
		1. Adakah penggunaan <i>Magnetic Flash Card</i> ini dapat membantu kamu mengingat dan memahami fakta dalam tajuk aktiviti-aktiviti berasaskan laut dalam Kerajaan Melayu Awal?		2. Adakah kamu faham dengan semua fakta mengenai aktiviti-aktiviti berasaskan laut dalam Kerajaan Melayu Awal apabila kamu menggunakan <i>Magnetic Flash Card</i> ?		3. Adakah penggunaan <i>Magnetic Flash Card</i> ini dapat membantu kamu membezakan fakta dalam tajuk aktiviti-aktiviti berasaskan laut dalam Kerajaan Melayu Awal?	
		Sesi 1	Sesi 2	Sesi 1	Sesi 2	Sesi 1	Sesi 2
1	A	Ya	Ya	Ya	Ya	Tidak	Ya
2	B	Ya	Ya	Ya	Ya	Tidak	Ya
3	C	Ya	Ya	Ya	Ya	Tidak	Ya
4	D	Ya	Ya	Tidak	Ya	Ya	Ya
5	E	Ya	Ya	Ya	Ya	Ya	Ya
6	F	Ya	Ya	Ya	Ya	Ya	Ya
7	G	Ya	Ya	Tidak	Ya	Ya	Ya

Jadual 1.4. Analisis Temubual terhadap aktiviti intervensi 2 iaitu Where I Belong?

Bil.	Peserta Kajian	Soalan					
		4. Adakah penggunaan <i>Flash Magnetic Board</i> ini dapat membantu kamu mengingat semula fakta dalam tajuk aktiviti-aktiviti berasaskan laut dalam Kerajaan Melayu Awal?		5. Adakah penggunaan <i>Flash Magnetic Board</i> ini dapat membantu kamu mengkategorikan fakta dalam tajuk aktiviti-aktiviti berasaskan laut dalam Kerajaan Melayu Awal dengan mudah?		6. Adakah penggunaan <i>Flash Magnetic Board</i> yang mempunyai 3 bentuk yang berbeza ini dapat membantu kamu mengkategorikan fakta dalam tajuk Aktiviti-aktiviti berasaskan laut dalam Kerajaan Melayu Awal dengan lebih mudah?	
		Sesi 1	Sesi 2	Sesi 1	Sesi 2	Sesi 1	Sesi 2
1	A	Ya	Ya	Ya	Ya	Tidak	Ya
2	B	Ya	Ya	Ya	Ya	Ya	Ya

3	C	Ya	Ya	Ya	Ya	Ya	Ya
4	D	Ya	Ya	Ya	Ya	Ya	Ya
5	E	Ya	Ya	Ya	Ya	Ya	Ya
6	F	Ya	Ya	Ya	Ya	Ya	Ya
7	G	Ya	Ya	Tidak	Ya	Ya	Ya

Dapatan kajian bagi temubual, pada sesi pertama terdapat beberapa peserta kajian yang tidak bersetuju dengan penggunaan *Magnetic Flash Card* dan *Flash Magnetic Board* dalam membantu mereka untuk mengkategorikan fakta dengan mudah. Akan tetapi, selepas sahaja sesi kedua dijalankan, semua peserta kajian bersetuju dengan penggunaan *Magnetic Flash Card* dan *Flash Magnetic Board* dapat membantu mereka mengkategorikan fakta dengan lebih mudah.

Dengan itu, berdasarkan dapatan kajian bagi ketiga-tiga kaedah ini jelas menunjukkan bahawa penggunaan *Flash Magnetic Board* ini dapat membantu murid Tahun 4 mengkategorikan fakta sekaligus mengingat fakta bagi tajuk Kerajaan Melayu Awal.

7.0 REFLEKSI

Merujuk kepada pengumpulan data awal yang telah dilaksanakan berdasarkan refleksi pengajaran dan pembelajaran lalu, masalah yang dihadapi oleh murid-murid adalah mereka sukar untuk mengingat sesuatu fakta walaupun kaedah pengajaran yang digunakan melibatkan penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) iaitu perisian *Powerpoint* dan sebagai aktiviti pengukuhan kaedah lakonan atau *Action Game* dilaksanakan terhadap murid-murid. Berdasarkan andaian dan kepercayaan saya sebelum ini, kedua-dua kaedah ini dianggap boleh membantu murid-murid mengingat sesuatu fakta dengan lebih berkesan kerana penggunaan TMK dikatakan boleh menarik perhatian murid. Penggunaan TMK di dalam proses pengajaran dan pembelajaran berupaya meningkatkan kefahaman dan penguasaan murid terhadap pelajaran (Joseph Anjuman dan Wan Rozali Bin Wan Hussin, 2013:61). Manakala, penggunaan kaedah lakonan atau *Action Game* ini dianggap sebagai kaedah berpusatkan murid dan apabila mereka sendiri yang melaksanakan aktiviti ini sudah tentu mereka boleh mengingat fakta tersebut kerana pengalaman yang mereka perolehi ketika melakukan aksi tersebut boleh memperkukuhkan lagi ingatan mereka terhadap sesuatu fakta yang diberikan justeru boleh membantu murid mengingat sesuatu fakta dengan lebih efektif. Menurut Tay Meng Guat (2015:10), penggunaan teknik pembelajaran berpusatkan murid seperti lakonan, main peranan dan nyanyian dapat menimbulkan pembelajaran yang menyeronokkan untuk mengukuhkan konsep dan kemahiran yang hendak diajar kepada murid-murid. Akan tetapi, kedua-dua kaedah ini gagal membantu murid-murid mengingat fakta dalam tajuk aktiviti-aktiviti berasaskan laut dalam Kerajaan Melayu Awal.

Dengan itu, saya telah melaksanakan intervensi *Flash Magnetic Board* terhadap beberapa kumpulan sasaran untuk membantu mereka mengingat fakta melalui kaedah mengkategorikan fakta sejarah bagi tajuk Kerajaan Melayu Awal. Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, dapat disimpulkan bahawa penggunaan *Flash Magnetic Board* ini dapat membantu murid-murid mengkategorikan fakta sekaligus membantu mereka mengingat fakta sejarah dalam tajuk Kerajaan Melayu Awal. Hal ini adalah kerana strategi mengkategorikan sesuatu item atau fakta dapat membantu murid memahami dan mengingat fakta dengan lebih mudah kerana fakta-fakta yang diberikan secara umum dapat dipecahkan kepada beberapa bahagian atau kategori mengikut ciri-ciri tertentu dan dilabelkan dengan satu perkataan yang mudah untuk diingat dan apabila mereka ingat label atau ciri-ciri tersebut sudah tentu mereka juga dapat mengingat fakta-fakta yang terdapat pada bahagian atau kategori tersebut. Menurut Seiger-Ehrenberg 1985 dalam Zurida Ismail, Syrifah Norhaidah Syed Idros dan Mohd. Ali Samsudin (2006:75), strategi membina kategori merupakan alat induktif bagi membantu murid mengkategorikan maklumat dengan menggunakan peraturan ataupun ciri-ciri yang dibina ataupun ditemui sendiri dan bukan secara hafalan. Pembelajaran sedemikian dapat menghasilkan pemahaman yang lebih baik serta dapat diingat dengan lebih lama berbanding pembelajaran secara hafalan. Di samping itu andaian, nilai dan kepercayaan diri saya terhadap intervensi *Flash Magnetic Board* ini telah

menunjukkan bahawa intervensi ini telah berjaya membantu murid-murid yang lemah dalam mengingat fakta sejarah dan diharapkan intervensi ini juga dapat digunakan bagi tajuk-tajuk pengajaran Sejarah yang lain. Oleh itu, penggunaan intervensi *Flash Magnetic Board* ini telah berjaya membantu murid-murid dalam mengkategorikan fakta sekaligus mengingat fakta dengan lebih mudah, berkesan dan ingatan mengenai fakta tersebut juga akan kekal lebih lama dan secara tidak langsung, dapatan kajian ini juga telah menyokong dan mencapai objektif kajian.

Terdapat beberapa kelebihan dan kelemahan yang ingin saya bincangkan berdasarkan intervensi yang saya telah gunakan. Bagi aspek kelebihan, penggunaan *Flash Magnetic Board* ini dapat membantu murid mengkategorikan dan mengingat fakta dengan lebih mudah dan berkesan. *Magnetic Flash Card* yang digunakan untuk aktiviti intervensi Fasa 1 dapat membantu peserta kajian mengingat fakta dengan lebih mudah kerana ada perbezaan dari aspek warna dan gambar. Penggunaan kaedah imej visual memudahkan guru membaiki kesalahan murid-murid dan meningkatkan prestasi murid. (Amirah Khairunissa Jaafar, 2012 : 95). Setiap peserta kajian juga mendapat satu set *Magnetic Flash Card* yang sama dan perkara ini tidak mengganggu konsentrasi peserta kajian semasa sesi memahami dan mengingat fakta kerana mereka tidak perlu berkongsi *Magnetic Flash Card* tersebut. Kanak-kanak memang tidak suka berkongsi barang kerana ia adalah tabiat semula jadi seorang kanak-kanak (Hasnita Pama, 2013). Selain itu, menurut Noor Azlan Ahmad Zanzali dan Nurdalina Daud (2010:5) pula, penggunaan pelbagai alat bantu mengajar mengikut cara yang bersesuaian dapat meningkatkan tumpuan murid-murid terhadap pembelajaran. Aktiviti-aktiviti intervensi yang dijalankan juga mudah difahami oleh para peserta kajian, ia tidak memerlukan banyak arahan yang perlu dipatuhi oleh peserta kajian. Menurut Baharin Abu, Othman Md Johan, Syed Mohd Shafeq Syed Mansor dan Haliza Jaafar (2007:80), arahan yang jelas dan berobjektif dapat meningkatkan kefahaman murid dan mendorong mereka untuk belajar dengan lebih tekun dan berkesan. *Flash Card* dan *Board* yang bersifat *magnetic* juga berjaya menarik perhatian murid untuk menggunakan intervensi ini.

Dari aspek kelemahan pula, fakta yang digunakan pada *Magnetic Flash Card* terlalu panjang dan banyak perkataan. Para peserta kajian sukar untuk mengingat fakta tersebut dalam masa yang singkat kerana mereka perlu membaca fakta tersebut secara berulang kali. Hal ini adalah kerana memang murid sukar untuk mengingat sesuatu fakta. Pendapat ini disokong oleh Nur Farhana Mohd Amin (2011:2) yang menyatakan bahawa murid sering merungut kerana mereka sering menghadapi kesukaran untuk mengingat fakta-fakta dalam sesuatu matapelajaran. Seterusnya, tiada label pada *Magnetic Flash Card* iaitu label Pelabuhan, Perikanan dan Perkapalan. Walaupun ada gambar pada *Magnetic Flash Card* tersebut, para peserta kajian tetap keliru dengan nama label yang mereka perlu ingat, namun apabila mereka melihat label pada *Magnetic Board* mereka terus dapat mengingat fakta-fakta yang telah difahami dan diingat semasa aktiviti intervensi 1. Sebagai cadangan penambahbaikan, saya perlu memberikan fakta yang lebih, ringkas tetapi padat serta mempunyai kata kunci fakta, boleh difahami dan diingat oleh murid-murid dengan lebih mudah. Saya juga perlu meletakkan label pada *Flash Magnetic Card* agar murid-murid dapat mengingat apa jenis-jenis kategori yang mereka perlu ketahui dan memudahkan mereka mengelaskan atau mengkategorikan fakta tersebut berdasarkan label yang telah diberikan.

Sebagai kesimpulan, kajian tindakan yang dijalankan oleh saya telah berjaya mencapai objektif dan soalan kajian saya iaitu penggunaan *Flash Magnetic Board* dapat membantu murid Tahun 4 mengkategorikan fakta sejarah bagi Tajuk Kerajaan Melayu Awal.

8.0 CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Bagi cadangan kajian seterusnya, saya telah memikirkan beberapa cadangan-cadangan yang perlu dilaksanakan agar kajian intervensi ini dapat digunakan dengan lebih baik dan sempurna. Cadangan yang pertama adalah menambahbaik *Magnetic Flash Card* dan *Magnetic Board* ke bentuk yang lebih menarik. *Magnetic Flash Card* tersebut boleh diubahsuai bentuknya ke bentuk-bentuk yang lebih menarik seperti bentuk bulatan, bintang, hati dan sebagainya agar murid-murid berasa lebih tertarik untuk menggunakannya.

Manakala, bagi *Magnetic Board*, perkara yang perlu diubahsuai adalah meletakkan alat penyangkut pada *Magnetic Board* tersebut untuk memudahkan guru menyangkut *Magnetic Board* tersebut pada papan hitam atau mana-mana bahagian bilik darjah yang sesuai atau mengubah bentuk *Magnetic Board* tersebut kepada papan yang mempunyai kaki atau berbentuk seperti *flip chart* untuk memudahkan guru menggerakkan *Magnetic Board* tersebut di dalam kelas. Justeru itu, melalui pengubahsuaian bagi kedua-dua alat intervensi ini dapat menarik minat murid dan dalam masa yang sama juga memudahkan guru untuk mengendalikan alat tersebut.

Seterusnya, cadangan yang kedua adalah bagi aktiviti intervensi Fasa 2 iaitu mengkategorikan fakta pada *Magnetic Board* menggunakan *Magnetic Flash Card*, guru boleh mengubah label seperti Pelabuhan, Perikanan dan Perkapalan kepada bentuk soalan untuk meningkatkan tahap kesusahan sesuatu tajuk dan bersesuaian bagi murid-murid yang pandai atau berada pada Tahun 5 dan Tahun 6. Apabila mereka perlu kategorikan fakta berasaskan soalan, murid dapat berfikir dan mengaitkan soalan tersebut berdasarkan fakta yang mereka telah fahami dan ingat sekaligus dapat mengukuhkan lagi ingatan murid dengan lebih berkesan. Sebagai contoh, dalam tajuk Perjuangan Tokoh Tempatan dalam Sejarah Tahun 5, bentuk soalan yang boleh dikemukakan untuk membantu murid mengkategorikan fakta adalah "Tokoh ini berasal daripada Sabah dan telah menentang Syarikat Borneo Utara British (SBUB) kerana kehilangan kawasan pengaruh, siapakah tokoh ini?", apabila membaca soalan ini, murid terus boleh mengenalpasti siapa tokoh tersebut dan mula mengkategorikan fakta-fakta yang berkaitan dengan tokoh tersebut.

Selain itu cadangan yang terakhir adalah penggunaan *Flash Magnetic Board* ini juga sesuai untuk digunakan bagi tajuk-tajuk Sejarah yang lain, khususnya tajuk yang melibatkan banyak fakta yang diberikan secara umum. Sebagai contoh, tajuk Sejarah lain yang boleh mengaplikasikan intervensi ini adalah tajuk Perjuangan Tokoh Tempatan, Penjajahan dan Campur Tangan British, Kerajaan-kerajaan Melayu Awal dan sebagainya. Selain daripada matapelajaran Sejarah, matapelajaran lain juga boleh menggunakan intervensi ini. Sebagai contoh, matapelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, dan Sains. Dengan itu, diharapkan, cadangan-cadangan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya di masa akan datang untuk membantu murid-murid mengkategorikan dan mengingatkan sesuatu fakta dengan lebih mudah dan berkesan.

9.0 RUJUKAN

- Amirah Khairunnisa Jaafar. (2012). Kesan penggunaan kaedah imej visual dalam mengatasi masalah penggunaan huruf besar dan huruf kecil penulisan bahasa melayu murid tahun lima. Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012.
- Baharin Abu, Othman Md Johan, Syed Mohd Shafeq Syed Mansor & Haliza Jaafar. (2007). Kepelbagaian gaya pembelajaran dan kemahiran belajar pelajar universiti di fakulti pendidikan, UTM Johor. Tesis, Jabatan Asas Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Hasnita Pama. (2013). *Ajar si manja berkongsi*. Diakses daripada <http://www.majalahpama.my/kanak-kanak/ajar-si-manja-berkongsi-1.202839> [30Oktober 2016].
- Joseph Aujuman & Wan Rozali Bin Wan Hussin. (2013). ICT dan kelestarian penggunaannya dalam pengajaran dan pembelajaran geografi di sekolah. Seminar pendidikan Sejarah dan Geografi. Universiti Malaysia Sabah, 29-30 Ogos.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2010). Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan II Tahun 2010: Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Tahap Satu Mulai 2011. Putrajaya: Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan.

- Noor Azlan Ahmad Zanzali & Nurdalina Daud. (2010). Penggunaan bahan bantu mengajar di kalangan guru pelatih UTM yang mengajar matapelajaran Matematik. Tesis, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Noriati A. Rashid, Boon, P. Y. & Sharifah Fakhirah Syed Ahmad. (2009). *Murid dan dalam belajar*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Nur Farhanah Mohd Amin. (2011). Keberkesanan kaedah nyanyian dalam meningkatkan ingatan murid tahun 5 bagi tajuk "kitaran air". Kajian Tindakan, Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail, Kuala Terengganu.
- Tay, M. G. (2015). Pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa melayu. *Jurnal Penyelidikan IPGKBL*. 12:10.
- Zurida Ismail, Syrifah Norhaidah Syed Idros dan Mohd. Ali Samsudin. (2006). *Kaedah mengajar sains*. Bentong : PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

